

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (30)

16 April 2018
29 Rejab 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 25/2018

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2017 KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 96 bertarikh 14 Mac 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 mengenai Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana.

2. Kerajaan telah memperkenalkan kaedah kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana mulai tahun 2009 dengan tujuan untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai yang mencapai tahap kecemerlangan prestasi tanpa terikat dengan kekosongan jawatan hakiki.


3. Bagi memberi peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana, Kerajaan telah bersetuju supaya pelaksanaan kenaikan pangkat *time-based* berasaskan kecemerlangan dipanjangkan kepada pegawai yang berada 13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat untuk dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) ke lapisan kedua gred kenaikan pangkat berdasarkan *time-based* berasaskan kecemerlangan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dirujuk ke Seksyen Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah